

## **LAPORAN KEPUTUSAN KES PENDAKWAAN**

Pakarmax Electrical Sdn Bhd (OKS) telah dituduh di Mahkamah Sesyen Kota Kinabalu, Sabah bagi dua pertuduhan iaitu pertuduhan pertama di bawah subseksyen 37(12)(b) Akta Bekalan Elektrik 1990 atas kesalahan menjalankan kerja-kerja penanaman tiang spun konkrit berdekatan dengan tiang elektrik 11kV jenis All-Aluminium Conductors (AAC) milik SESB tanpa kebenaran sah daripada SESB dan pertuduhan kedua di bawah seksyen 33D(2) Akta Bekalan Elektrik 1990 kerana gagal untuk memastikan kerja-kerja penanaman tiang spun konkrit tersebut telah dilakukan tanpa menyebabkan kecederaan kepada mangsa. Pada 29 Julai 2024, OKS telah mengaku bersalah terhadap kedua-dua pertuduhan berkenaan dan mahkamah telah menjatuhkan hukuman bagi pertuduhan pertama, denda sebanyak RM8,000.00, dan bagi pertuduhan kedua, denda sebanyak RM5,000.00. OKS telah membayar denda tersebut.